

09 APR 1998

PARLIMEN : USUL KIT SIANG BERHUBUNG KES ANAKNYA DITOLAK

KUALA LUMPUR, 9 Aril (Bernama) -- Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Juhar Mahiruddin hari ini menolak usul Ketua Pembangkang Lim Kit Siang untuk mengemukakan usul bagi membincangkan apa yang disifatkannya "campur tangan Perdana Menteri" dalam kes rayuan anaknya Lim Guan Eng.

Juhar berkata beliau membuat keputusan itu kerana perkara yang dikemukakan oleh Lim tidak perlu disegerakan.

"Perkara ini lebih merupakan apa yang difikirkan betul dan apa yang difikirkan salah mengikut kacamata masing-masing. Oleh yang demikian saya menolak usul ini," katanya pada persidangan dewan itu, di sini.

Lim (DAP-Tanjong) ketika mengemukakan usul itu berkata, perkara itu perlu dibincangkan berikutan "campur tangan" Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kes rayuan Lim Guan Eng.

Katanya, Dr Mahathir, dengan membuat ulasan di Jitra Isnin lepas mengenai hukuman penjara 36 bulan yang dikenakan oleh Mahkamah Rayuan minggu lalu telah menyebabkan Mahkamah Persekutuan sukar untuk bertindak secara adil dan bebas semasa melaksanakan tugas kehakimannya dalam kes rayuan Guan Eng kelak.

Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara itu setelah mengetepikan hukuman denda RM15,000 terhadap Guan Eng kerana dua tuduhan mengeluarkan risalah yang mengandungi berita palsu berhubung dakwaan hubungan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dengan seorang gadis bawah umur.

Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata keputusan Mahkamah Rayuan itu adalah mengikut proses perundangan dan bukan sebagai tanda kononnya kebebasan bersuara di negara ini sudah terhakis.

--BERNAMA

RAZ MAI